



YAYASAN ISLAM  
DARUL EHSAN

# LAPORAN TAHUN 2025

## BAHAGIAN AUDIT DALAM, RISIKO DAN INTEGRITI (BADRI) YIDE

Disediakan Oleh:  
Mohamad Shazwan Bin  
Mohamad Yussoff CeIO, AIIA



# ISI KANDUNGAN



1	UCAPAN PERUTUSAN Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko & Integriti (MJKARI)
2	UCAPAN PERUTUSAN Pengurus Besar Yayasan Islam Darul Ehsan
3	SEJARAH PENUBUHAN YIDE & PEMEGANG PERAKUAN KELULUSAN / KEBENARAN DARIPADA AGENSI KERAJAAN
4	PENDAHULUAN - DALIL HARAMNYA RASUAH
5	CARTA ORGANISASI YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN
6 - 7	CARTA MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT, RISIKO & INTEGRITI (MJKARI)
8 - 9	CARTA BAHAGIAN AUDIT DALAM, RISIKO DAN INTEGRITI (BADRI)
10 - 17	LAPORAN PENGAUDITAN DAN SEMAKAN INTEGRITI
18 - 19	PENGAUDITAN SUSULAN
20 - 23	PROGRAM AWARENESS KEPADA AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH (ALPA) YIDE BERSAMA AGENSI PENGUATKUASA : SPRM, SSM DAN LHDN

# ISI KANDUNGAN

24 - 29	PROGRAM AWARENESS KEPADA KAKITANGAN YIDE BERSAMA AGENSI PENGUATKUASA : BNM, IIM, AKPK & SPRM
30 - 32	MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) VENDOR DAN PEMBEKAL PEROLEHAN YIDE BERSAMA SPRM NEGERI SELANGOR
33 - 37	POSTER AWARENESS BADRI KEPATUHAN DAN INTEGRITI
38 - 42	YIDE MENERIMA PENGIKTIRAFAN DARIPADA AGENSI KERAJAAN / PENGUATKUASA
43 - 48	PENGHARGAAN KEPADA AGENSI KERAJAAN / PENGUATKUASA ATAS KOLABRASI DENGAN YIDE SEMASA MAJLIS BERSAMA DYTMM RAJA MUDA SELANGOR
49 - 50	BADRI TERIMA KUNJUNGAN HORMAT
51 - 54	YIDE BERGERAK KE ARAH MS ISO : 37001 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)
55 - 57	AKRONIM

# UCAPAN PERUTUSAN PENGERUSI MJKARI

## PENGERUSI MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT, RISIKO DAN INTEGRITI YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (MJKARI)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,  
Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana Laporan Bahagian Audit Dalam, Risiko dan Integriti (BADRI) YIDE bagi Tahun 2025 dapat diterbitkan sebagai manifestasi komitmen berterusan YIDE terhadap tadbir urus yang baik, pengurusan risiko yang berkesan dan pembudayaan integriti dalam organisasi.

Sepanjang tahun 2025, Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti (MJKARI) telah melaksanakan tanggungjawab pemantauan secara telus dan objektif terhadap pelaksanaan audit dalaman, pengurusan risiko serta kawalan dalaman. Penekanan diberikan kepada aspek pematuhan terhadap peraturan, keberkesanan kawalan serta tindakan pembetulan yang bersifat konstruktif dan berimpak jangka panjang.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Audit Dalam, Risiko dan Integriti (BADRI) atas profesionalisme serta komitmen berterusan dalam melaksanakan penilaian secara bebas, objektif dan berintegriti. Sepanjang tahun 2025, sebanyak 26 penemuan audit telah dikenal pasti dan kesemua 26 syor penambahbaikan yang dikemukakan telah digunakan oleh Pengurusan YIDE. Daripada keseluruhan 31 penemuan audit yang dipantau, termasuk penemuan tahun sebelumnya, sebanyak 25 penemuan, bersamaan 81%, telah berjaya diselesaikan melalui 4 siri audit susulan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2025.

Pencapaian ini menzahirkan keberkesanan BADRI sebagai pemacu tadbir urus yang berintegriti, memastikan risiko diurus secara proaktif serta memperkukuh keyakinan pemegang taruh terhadap kredibiliti dan akauntabiliti YIDE.

Sehubungan itu, MJKARI akan terus memperkukuh budaya pematuhan dan integriti melalui pemantauan berterusan serta pendekatan pengurusan risiko yang lebih strategik dan berasaskan risiko, bagi memastikan YIDE kekal sebagai institusi yang diyakini, telus dan berakauntabiliti tinggi dalam menguruskan dana awam.

Sekian, terima kasih.  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Mohamad Mohar Bin Ibrahim, CACD  
Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti (MJKARI)  
Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE)

# UCAPAN PERUTUSAN PENGURUS BESAR YIDE



## PENGURUS BESAR YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Laporan Bahagian Audit Dalam, Risiko dan Integriti (BADRI) bagi Tahun 2025 merupakan refleksi komitmen pengurusan YIDE dalam memastikan setiap fungsi dan operasi Yayasan dilaksanakan secara teratur, berakauntabiliti dan mematuhi prinsip tadbir urus yang baik.

Sepanjang tahun 2025, pihak pengurusan telah memberikan kerjasama penuh terhadap pelaksanaan audit dalaman, proses penilaian risiko serta inisiatif pemantapan integriti yang digerakkan oleh BADRI dan dipantau oleh MJKARI. Segala penemuan dan syor penambahbaikan telah diteliti dan diambil tindakan sewajarnya bagi memastikan kawalan dalaman terus diperkukuh serta risiko operasi diminimumkan.

Pengurusan juga komited untuk memastikan pengurusan risiko dilaksanakan secara berstruktur dan berterusan, selaras dengan hala tuju strategik Yayasan. Budaya integriti akan terus dipupuk dalam kalangan warga kerja melalui pematuhan kepada Polisi Integriti YIDE, Dasar YIDE dan Manual Prosedur Kerja (MPK) Bahagian yang ditetapkan.

Saya merakamkan penghargaan kepada MJKARI dan BADRI atas bimbingan, pemantauan serta teguran yang membina dalam memperkukuh sistem tadbir urus YIDE. Adalah menjadi harapan agar laporan ini menjadi rujukan penting dalam usaha meningkatkan kecekapan, ketelusan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan YIDE.

Sekian, terima kasih  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Encik Nur Mond Razali Bin Abdullah, CA(M)  
Pengurus Besar  
Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE)

# PENUBUHAN : YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE)



SEJARAH PENUBUHAN	OBJEKTIF UTAMA PENUBUHAN	AKTIVITI UTAMA
<ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan perkenan DYMM Sultan Selangor.</li> <li>Merupakan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tertakluk dibawah Akta Syarikat 1965/2016.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menguruskan Hal Ehwal Anak-Anak Yatim Negeri Selangor.</li> <li>Menguruskan Sumbangan Musibah &amp; Malapetaka.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjalankan perniagaan sosial ; Perkhidmatan Rawatan Hemodialisis, Pusat Dialisis MAIS.</li> </ul>
<b>MOTTO : "PRIHATIN KEBAJIKAN UMMAH"</b>		

PEMEGANG PERAKUAN KELULUSAN / KEBENARAN DARIPADA AGENSI KERAJAAN		
MENTERI KPDN DAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)	KPHDN DAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN)	JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (JPDP)
<ul style="list-style-type: none"> <li>YIDE telah mendapat kebenaran dan kelulusan Menteri KPDN dan Pendaftar - Syarikat Malaysia (SSM) bagi menjalankan kutipan sumbangan daripada dibawah Seksyen 24 (3) Akta Syarikat 1965 dan YIDE perlu sentiasa mematuhi syarat yang telah ditetapkan.</li> <li>Pembaharuan bagi kebenaran dan kelulusan Menteri dibuat setiap tahun oleh YIDE.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>YIDE telah mendapatkan kelulusan KPHDN bagi potongan cukai dibawah Subseksyen 44(6) ACP 1967 dan YIDE perlu sentiasa mematuhi syarat yang telah ditetapkan.</li> <li>Potongan cukai dibawah Subseksyen 44(6) ACP 1967 memberikan manfaat kepada para penyumbang YIDE.</li> <li>Pembaharuan bagi kelulusan KPHDN dibuat 3 atau 5 tahun sekali oleh YIDE.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>YIDE telah mendapatkan Sijil Perakuan Perlindungan Data Peribadi daripada Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) bagi pemprosesan data peribadi pesakit dialisis di seluruh 6 Pusat Dialisis MAIS (PDM) dibawah kategori kesihatan. YIDE perlu sentiasa mematuhi syarat yang telah ditetapkan.</li> <li>Pembaharuan perakuan JPDP dibuat setiap tahun oleh YIDE.</li> </ul>

## HARAMNYA RASUAH

### AL-QURAN

Di dalam al-Quran, Allah SWT berfirman Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ  
لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)."

SURAH AL-BAQARAH: 188

### HADIS

Hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amr R.Anhuma, Rasulullah ﷺ bersabda:

لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي

Maksudnya: "Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah."


RIWAYAT AHMAD (6984) DAN IBNU MAJAH (2313)



# CARTA MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT, RISIKO DAN INTEGRITI (MJKARI) TAHUN 2025



# CARTA MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT, RISIKO DAN INTEGRITI (MJKARI) TAHUN 2025



**NOTA:**

CA(M) = Chartered Accountant (Malaysia)

CeIO = Certified Investigation Officer

AIIA = Associate Members of The Institute of Internal Auditors Malaysia

CACD = Chartered Audit Committee Directors of The Institute of Internal Auditors Malaysia


# BAHAGIAN AUDIT DALAM, RISIKO DAN INTEGRITI (BADRI) TAHUN 2025



# BAHAGIAN AUDIT DALAM, RISIKO DAN INTEGRITI (BADRI) TAHUN 2025



## CARTA DAN FUNGSI BADRI



# LAPORAN PENGAUDITAN DAN SEMAKAN INTEGRITI TAHUN 2025

**BIL.01**      **LAPORAN PENGAUDITAN BIL.01/2025 - BAHAGIAN  
PENGURUSAN DIALISIS : PENGURUSAN TUNTUTAN  
PENAJA DAN TUNTUTAN TUNAI DIALISIS TAHUN 2025**






**BIL.02**      **LAPORAN SEMAKAN INTEGRITI BIL.01/2025 - BAHAGIAN  
KEBAJIKAN : PENGURUSAN SUMBANGAN HARI RAYA  
AIDILFITRI KEPADA ANAK-ANAK YATIM NEGERI  
SELANGOR TAHUN 2025**

# LAPORAN PENGAUDITAN BIL.01/2025

## BAHAGIAN PENGURUSAN DIALISIS :

### PENGURUSAN TUNTUTAN PENAJA DAN TUNTUTAN TUNAI DIALISIS TAHUN 2025



NO.	PERKARA	MAKLUMBALAS BADRI	STATUS
I.	Pelaksanaan Mesyuarat Pembukaan (Initial Conference) Bagi Pengauditan Bil.01/2025	BADRI telah melaksanakan Mesyuarat Pembukaan (Initial Conference) bagi Pengauditan Bil.01/2025 - Bahagian Pengurusan Dialisis : Pengurusan Tuntutan Penaja Dan Tuntutan Tunai Dialisis pada 10 APRIL 2025	 SELESAI 10 APRIL 2025
II.	Pelaksanaan Audit Di Lapangan Bersama Auditee Bagi Pengauditan Bil.01/2025	BADRI telah melaksanakan Audit di lapangan bagi Pengauditan Bil.01/2025 - Bahagian Pengurusan Dialisis : Pengurusan Tuntutan Penaja Dan Tuntutan Tunai Dialisis: <ul style="list-style-type: none"> <li>• PDM BUKIT JELUTONG - 14 APRIL 2025</li> <li>• PDM KAPAR - 15 APRIL 2025</li> <li>• PDM SHAH ALAM - 16 APRIL 2025</li> <li>• PDM SUNGAI BESAR - 23 APRIL 2025</li> <li>• PDM TAMAN MELAWATI - 28 APRIL 2025</li> <li>• PDM KUALA SELANGOR - 29 APRIL 2025</li> </ul>	 SELESAI 29 APRIL 2025
III.	Pelaksanaan Analisa Data Dan Pelaporan Bagi Pengauditan Bil.01/2025	BADRI telah Menganalisa Data Dan Pelaporan Bagi Pengauditan Bil.01/2025 - Bahagian Pengurusan Dialisis : Pengurusan Tuntutan Penaja Dan Tuntutan Tunai Dialisis pada 1 Ogos - 19 OGOS 2025	 SELESAI 19 OGOS 2025
IV.	Mesyuarat Penutup (Exit Conference) Bagi Pengauditan Bil.01/2025	BADRI telah melaksanakan Mesyuarat Penutup (Exit Conference) Bagi Pengauditan Bil.01/2025 - Bahagian Pengurusan Dialisis : Pengurusan Tuntutan Penaja Dan Tuntutan Tunai Dialisis Bersama Pengurus Besar YIDE, Bahagian Pengurusan Dialisis dan Bahagian Kewangan pada 25 Ogos 2025	 SELESAI 25 OGOS 2025
V.	Pengauditan Bil.01/2025 Kelulusan Pengesyoran MJKARI dan Kelulusan MALPA	BADRI telah membentangkan Laporan Pengauditan Bil.01/2025 - Bahagian Pengurusan Dialisis : Pengurusan Tuntutan Penaja Dan Tuntutan Tunai Dialisis dengan <b>15 PENEMUAN</b> untuk kelulusan pengesyoran MJKARI Bil.03/2025 pada 10 September 2025 dan Kelulusan Perakuan MALPA Bil.03/2025 pada 17 September 2025.	 SELESAI 17 SEPTEMBER 2025

MESYUARAT PEMBUKAAN (INITIAL CONFERENCE) PENGAUDITAN PRESTASI : 10 APRIL 2025




# LAPORAN PENGAUDITAN BIL.01/2025 BAHAGIAN PENGURUSAN DIALISIS : PENGURUSAN TUNTUTAN PENAJA DAN TUNTUTAN TUNAI DIALISIS TAHUN 2025



MESYUARAT PEMBUKAAN (INITIAL CONFERENCE) PENGAUDITAN PRESTASI : 10 APRIL 2025



PDM BUKIT JELUTONG : 14 APRIL 2025



# LAPORAN PENGAUDITAN BIL.01/2025 BAHAGIAN PENGURUSAN DIALISIS : PENGURUSAN TUNTUTAN PENAJA DAN TUNTUTAN TUNAI DIALISIS TAHUN 2025



PDM KAPAR : 15 APRIL 2025



PDM SHAH ALAM : 16 APRIL 2025



PDM SUNGAI BESAR : 23 APRIL 2025



# LAPORAN PENGAUDITAN BIL.01/2025 BAHAGIAN PENGURUSAN DIALISIS : PENGURUSAN TUNTUTAN PENAJA DAN TUNTUTAN TUNAI DIALISIS TAHUN 2025



PDM TAMAN MELAWATI : 28 APRIL 2025



PDM KUALA SELANGOR : 29 APRIL 2025



MESYUARAT PENUTUP(EXIT CONFERENCE) PENGAUDITAN PRESTASI : 25 OGOS 2025

**LAPORAN PENGAUDITAN BIL.01/2025  
BAHAGIAN PENGURUSAN DIALISIS :  
PENGURUSAN TUNTUTAN PENAJA DAN TUNTUTAN  
TUNAI DIALISIS TAHUN 2025**



**YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN  
(YIDE) 1010738-K**

**LAPORAN PENGAUDITAN  
DIALISIS**






**PENGURUSAN TUNTUTAN  
PENAJA DAN TUNAI TAHUN 2024  
BIL.01/2025**

Mohamad Shazwan Bin Mohamad Yusoff CeIO, AHA

Bahagian Audit Dalam, Risiko Dan Integriti (BADRI)

# LAPORAN SEMAKAN INTEGRITI BIL.01/2025 BAHAGIAN KEBAJIKAN : PENGURUSAN SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI KEPADA ANAK-ANAK YATIM NEGERI SELANGOR TAHUN 2025



NO.	PERKARA	MAKLUMBALAS BADRI	STATUS
I.	Pelaksanaan Mesyuarat Pembukaan (Initial Conference) Bagi Semakan Integriti Bil.01/2025	BADRI telah melaksanakan Mesyuarat Pembukaan (Initial Conference) bagi Semakan Integriti Bil.01/2025 : Bahagian Kebajikan - Pengurusan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Kepada Anak-Anak Yatim Negeri Selangor Tahun 2025 pada 24 APRIL 2025	 SELESAI 24 APRIL 2025
II.	Pelaksanaan Audit Di Lapangan Bersama Auditee Bagi Semakan Integriti Bil.01/2025	BADRI telah melaksanakan Audit di lapangan bagi Semakan Integriti Bil.01/2025 : Bahagian Kebajikan - Pengurusan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Kepada Anak-Anak Yatim Negeri Selangor Tahun 2025 pada 5-7 MEI 2025	 SELESAI 7 MEI 2025
III.	Analisa Data Dan Pelaporan Bagi Semakan Integriti Bil.01/2025	BADRI telah melaksanakan Analisa Data Dan Pelaporan Bagi Semakan Integriti Bil.01/2025 : Bahagian Kebajikan - Pengurusan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Kepada Anak-Anak Yatim Negeri Selangor Tahun 2025 pada 25 MEI - 9 JUN 2025	 SELESAI 9 JUN 2025
IV.	Mesyuarat Penutup (Exit Conference) Bagi Semakan Integriti Bil.01/2025	BADRI telah melaksanakan Mesyuarat Penutup (Exit Conference) Bagi Semakan Integriti Bil.01/2025 : Bahagian Kebajikan - Pengurusan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Kepada Anak-Anak Yatim Negeri Selangor Tahun 2025 pada 10 JUN 2025	 SELESAI 10 JUN 2025
V.	Laporan Semakan Integriti Bil.01/2025 Kelulusan Pengesyoran MJKARI dan Kelulusan MALPA	BADRI telah membentangkan Laporan Semakan Integriti Bil.01/2025 : Bahagian Kebajikan - Pengurusan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Kepada Anak-Anak Yatim Negeri Selangor Tahun 2025 dengan <b>11 PENEMUAN</b> bagi Kelulusan Pengesyoran MJKARI Bil.02/2025 pada 16 JUN 2025 dan Kelulusan Perakuan MALPA Bil.02/2025 pada 26 JUN 2025.	 SELESAI 26 JUN 2025

## EXIT CONCERENCE - SEMAKAN INTEGRITI BIL.01/2025



# LAPORAN SEMAKAN INTEGRITI BIL.01/2025 BAHAGIAN KEBAJIKAN : PENGURUSAN SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI KEPADA ANAK-ANAK YATIM NEGERI SELANGOR TAHUN 2025



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) 1010738-K  
(AGENSI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR)

SULIT DAN TERKAWAL



**YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN  
(AGENSI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR)**

**LAPORAN SEMAKAN INTEGRITI BIL.01/2025:**

**BAHAGIAN KEBAJIKAN –  
PENGURUSAN SUMBANGAN HARI RAYA  
AIDILFITRI KEPADA ANAK-ANAK YATIM  
NEGERI SELANGOR TAHUN 2025**

MOHAMAD SHAZWAN BIN MOHAMAD YUSSOFF CeO, AIAA

BAHAGIAN AUDIT DALAM, RISIKO DAN INTEGRITI (BADRI)

# PENGAUDITAN SUSULAN

- BIL.01    AUDIT SUSULAN BIL.01/2025 - 27 FEBRUARI 2025**
- BIL.02    AUDIT SUSULAN BIL.02/2025 - 9 MEI 2025**
- BIL.03    AUDIT SUSULAN BIL.03/2025 - 15 OGOS 2025**
- BIL.04    AUDIT SUSULAN BIL.04/2025 - 3 NOVEMBER 2025**

# PENGAUDITAN SUSULAN

Sepanjang Tahun 2025, BADRI telah melaksanakan 4 kali pengauditan susulan yang telah dilaksanakan pada :

- Audit Susulan Bil.01/2025 - 27 Februari 2025
- Audit Susulan Bil.02/2025 - 9 Mei 2025
- Audit Susulan Bil.03/2025 - 15 Ogos 2025
- Audit Susulan Bil.04/2025 - 3 November 2025

## NOTA NAMA LAPORAN PENGAUDITAN & SEMAKAN INTEGRITI

LAPORAN PENGAUDITAN BIL.02/2022	LAPORAN PENGURUSAN KUTIPAN KUPON INFAQ 5 DAERAH TAHUN 2022
LAPORAN PENGAUDITAN BIL.01/2023	LAPORAN PENGAUDITAN KEPATUHAN TADBIR URUS KORPORAT (AMALAN TERBAIK) TAHUN 2023
LAPORAN PENGAUDITAN BIL.01/2025	LAPORAN PENGAUDITAN BAHAGIAN PENGURUSAN DIALISIS : PENGURUSAN PENAJA DAN TUNAI TAHUN 2024
SEMAKAN INTEGRITI BIL.01/2025	LAPORAN SEMAKAN INTEGRITI BAGI PENGURUSAN SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI KEPADA ANAK-ANAK YATIM NEGERI SELANGOR TAHUN 2025

LAPORAN AUDIT	STATUS TERKINI MAKLUMBALAS AUDIT			JUMLAH PENEMUAN AUDIT
	TIADA TINDAKAN	DALAM TINDAKAN	SELESAI	
LAPORAN PENGAUDITAN BIL.02/2022	-	-	7	7 <i>SELESAI SEPENUHNYA</i>
LAPORAN PENGAUDITAN BIL.01/2023	-	1	35	36
SEMAKAN INTEGRITI BIL.01/2025	-	3	8	11
LAPORAN PENGAUDITAN BIL.01/2025	-	3	12	15
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	-	7	62	69

Peratus Selesai : 90%

# **PROGRAM AWARENESS KEPADA AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH (ALPA) YIDE BERSAMA AGENSI PENGUATKUASA**

- BIL.01 PROGRAM AWARENESS KEPADA ALPA YIDE  
BERSAMA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH  
MALAYSIA (SPRM) SELANGOR**
  
- BIL.02 PROGRAM AWARENESS KEPADA ALPA YIDE  
BERSAMA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN)  
MALAYSIA**
  
- BIL.03 PROGRAM AWARENESS KEPADA ALPA YIDE  
BERSAMA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
(SSM)**


# PROGRAM AWARENESS KEPADA ALPA YIDE BERSAMA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) SELANGOR

## YIDE MEMPERKUKUHKAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS BERSAMA SPRM NEGERI SELANGOR

Bahagian Audit Dalam, Risiko dan Integriti (BADRI) YIDE telah mengadakan Sesi Awareness Kepatuhan dan Integriti Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) YIDE bersama SPRM Negeri Selangor sempena Mesyuarat ALPA Bil. 01/2025 yang telah berlangsung pada 12 Mac 2025. Sesi kesedaran ringkas ini bertujuan memberikan pencerahan berkaitan aspek Liabiliti Korporat (Seksyen 17A Akta SPRM 2009), Konflik Kepentingan serta peranan Certified Integrity Officer (CeIO) dalam organisasi. Taklimat telah disampaikan oleh YBrs. PPj Tuan Azuan Bin Adzhar, Ketua Cawangan Penyiasatan Tatakelola, SPRM Negeri Selangor.

Mesyuarat ALPA YIDE tersebut telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Mazlan Bin Mansor, merangkap Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Inisiatif ini merupakan komitmen berterusan BADRI dalam memperkukuh kefahaman kepatuhan, memantapkan budaya integriti serta memperkasakan tadbir urus korporat YIDE sebagai sebuah agensi di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

#YIDE #MAIS #SPRMNegeriSelangor #BADRI #Kepatuhan #TadbirUrusKorporat #Integriti



# PROGRAM AWARENESS KEPADA ALPA YIDE BERSAMA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN) MALAYSIA



## YIDE MEMANTAPKAN TATAKELOLA DAN GOVERNAN BERSAMA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN) MALAYSIA

Bahagian Audit Dalam, Risiko dan Integriti (BADRI) YIDE telah mengadakan Sesi Awareness Kepatuhan dan Integriti kepada Pengerusi dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE (ALPA) bersama LHDN Malaysia sempena Mesyuarat ALPA Bil. 02/2025 yang telah berlangsung pada 26 Jun 2025. Sesi ini bertujuan memberikan penerangan ringkas berkaitan peranan dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE terhadap pematuhan Subseksyen 44(6) di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Taklimat telah disampaikan oleh YBrs. Puan Che Jah Nor Lailawati Binti Ali, Pengarah Seksyen, Bahagian Kelulusan dan Pemantauan, Sektor Dasar Percukaian, LHDN Malaysia. Inisiatif ini merupakan komitmen berterusan BADRI dalam memperkukuh aspek tatakelola dan governan YIDE sebagai sebuah agensi di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), khususnya dalam memastikan pengurusan dana dan bantuan kepada kumpulan sasaran dilaksanakan secara telus, berakauntabiliti serta mematuhi keperluan perundangan yang berkuat kuasa.

#YIDE #MAIS #ALPAYIDE #LHDNMalaysia #BADRI #Kepatuhan #Tatakelola #Governan



# PROGRAM AWARENESS KEPADA ALPA YIDE BERSAMA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)



## YIDE MEMPERKASAKAN GOVERNAN BERSAMA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

Bahagian Audit Dalam, Risiko dan Integriti (BADRI) YIDE telah mengadakan Sesi Awareness Kepatuhan dan Integriti kepada Pengerusi dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE (ALPA) bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sempena Mesyuarat ALPA YIDE Bil. 03/2025 yang telah berlangsung pada 17 September 2025. Sesi ringkas ini bertujuan memberikan penerangan berkaitan peranan dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE terhadap pematuhan Akta Syarikat 1965/2016. Taklimat telah disampaikan oleh YBrs. Puan Ravinderjit Kaur, Pengurus Bahagian Pendakwaan dan Litigasi, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Mesyuarat ALPA YIDE Bil. 03/2025 tersebut telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Mazlan Bin Mansor, merangkap Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Inisiatif ini merupakan komitmen berterusan BADRI dalam memperkukuh aspek governan YIDE yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. YIDE merupakan sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan tertakluk kepada peruntukan Akta Syarikat 1965/2016.

#YIDE #MAIS #ALPAYIDE #SSM #BADRI #Kepatuhan #Tatakelola #Governan



# **PROGRAM AWARENESS KEPADA KAKITANGAN YIDE BERSAMA AGENSI PENGUATKUASA**

- BIL.01 PROGRAM AWARENESS KEPADA KAKITANGAN YIDE BERSAMA BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)**
- BIL.02 PROGRAM AWARENESS KEPADA KAKITANGAN YIDE BERSAMA INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)**
- BIL.03 PROGRAM AWARENESS KEPADA KAKITANGAN YIDE BERSAMA AGENSI KAUNSELING & PENGURUSAN KEWANGAN (AKPK)**
- BIL.04 PROGRAM AWARENESS KEPADA KAKITANGAN YIDE BERSAMA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) NEGERI SELANGOR**

# **PROGRAM AWARENESS KEPADA KAKITANGAN YIDE BERSAMA BANK NEGARA MALAYSIA (BNM), INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM) & AGENSI KAUNSELING & PENGURUSAN KEWANGAN (AKPK)**



YIDE menerusi Bahagian Audit Dalam, Risiko Dan Integriti (BADRI) telah menganjurkan PROGRAM AWARENESS BADRI KEPATUHAN DAN INTEGRITI YIDE BERSAMA AGENSI BNM, IIM DAN AKPK (BIL.01/2025) pada 19 Ogos 2024 (Rabu) bertempat di Bilik Seminar Mawaddah, Tingkat 2, Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Pelaksanaan program Awareness ini merupakan komitmen dan usaha daripada YIDE bagi memantapkan kepatuhan, integriti dan tadbir urus yang baik kepada Kakitangan YIDE termasuk kakitangan Pusat Dialisis MAIS (PDM).

Bahagian Audit Dalam, Risiko Dan Integriti (BADRI), YIDE bergerak secara proaktif dengan turut melibatkan wakil daripada Sektor Audit Dalam Dan Integriti, Majlis Agama Islam Selangor dan wakil daripada Bahagian Audit Dalam dan Integriti bagi Anak Syarikat/ Agensi MAIS; Bakti Suci Holdings Sdn Bhd, Lembaga Zakat Selangor, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) MAIS, TERAS Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd dan UIS - Universiti Islam Selangor. Turut serta bersama secara online kakitangan-kakitangan daripada Yayasan Selangor (YS)

Program Awareness Bil.01/2025 ini merangkumi 3 sesi :

**Sesi 1 : Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertajuk “Financial Fraud dan AMLA” telah disampaikan oleh YBr. Encik Muhammad Nizam Bin Muhammad - Eksekutif Jabatan Link Dan Pejabat Bank Negara Malaysia (BNM)**

**Sesi 2 : Institut Integriti Malaysia (IIM) yang bertajuk “Transformasi Budaya Kerja Berintegriti”, CISM Dan AIGA” yang telah disampaikan oleh YBr. Tuan Mohd Rais Bin Ramli – Pengarah Pusat Integriti Sektor Perniagaan, Institut Integriti Malaysia (IIM)**

**Sesi 3 : Agensi Kauseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang bertajuk “Bijak Mengurus Kewangan” yang telah disampaikan oleh YBr. Puan Farhana Syed Ahmad Eksekutif Kanan - SME Financial Education (SFED), AKPK**

Turut hadir YBr. Ustaz Suhaimi Bin Ismail, Pengarah Khidmat Pengurusan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE dan Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko Dan Integriti YIDE. YBr. Encik Nur Mohd Razali Bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE. YBr. Encik Mohd Hasnul Redza Bin Abd Rahim, Pengurus Besar Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS). Urusetia Program; Encik Mohamad Shazwan Mohamad Yussoff daripada Bahagian Audit Dalam, Risiko Dan Integriti (BADRI) YIDE.

**#YIDE #MAIS #BNM #IIM #AKPK #BADRI #Kepatuhan #Integriti #TadbirUrusKoporat**

# PROGRAM AWARENESS KEPADA KAKITANGAN YIDE BERSAMA BANK NEGARA MALAYSIA (BNM), INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM) & AGENSI KAUNSELING & PENGURUSAN KEWANGAN (AKPK)



BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)



BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)

# PROGRAM AWARENESS KEPADA KAKITANGAN YIDE BERSAMA BANK NEGARA MALAYSIA (BNM), INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM) & AGENSI KAUNSELING & PENGURUSAN KEWANGAN (AKPK)



INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)



INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)

# PROGRAM AWARENESS KEPADA KAKITANGAN YIDE BERSAMA BANK NEGARA MALAYSIA (BNM), INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM) & AGENSI KAUNSELING & PENGURUSAN KEWANGAN (AKPK)



AGENSI KAUNSELING & PENGURUSAN KEWANGAN (AKPK)



AGENSI KAUNSELING & PENGURUSAN KEWANGAN (AKPK)



# PROGRAM AWARENESS KEPADA KAKITANGAN YIDE BERSAMA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) NEGERI SELANGOR



19 Jun 2025, Pustaka Raja Tun Uda : Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menganjurkan Program Awareness Bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor dengan tajuk Ceramah Integriti dan Antirasuah yang telah disampaikan oleh PKPs Mohamad Redzuan bin Mohamad daripada Cawangan Pendidikan Masyarakat, SPRM Negeri Selangor.

Penganjuran program ini merupakan manifestasi komitmen berterusan YIDE dalam usaha membudayakan integriti serta meningkatkan kesedaran antirasuah dalam kalangan warga kerja tanpa mengira peringkat jawatan.

Program ini turut dihadiri oleh YBr. PPj Tuan Azuan Bin Adzhar, Timbalan Pengarah Pencegahan SPRM Negeri Selangor; YBr. Tuan Mohamad Mohar Bin Ibrahim, Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti (MJKARI) YIDE merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE; YBr. Ustaz Suhaimi Bin Ismail, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE merangkap Pengarah Khidmat Pengurusan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS); serta YBr. Encik Nur Mohd Razali Bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE.

Turut hadir ialah wakil Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan wakil Bahagian Audit Dalam dan Integriti bagi anak syarikat/agensi MAIS iaitu Bakti Suci Holdings Sdn Bhd (BSHSB), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS) dan Universiti Islam Selangor (UIS).

Program ini diharapkan dapat memperkukuh budaya kerja berintegriti, meningkatkan tahap kesedaran terhadap risiko rasuah serta menyokong pelaksanaan tadbir urus yang telus dan berakauntabiliti selaras dengan aspirasi YIDE dan MAIS.

#YIDE #MAIS #SPRMNegeriSelangor #BADRI #Antirasuah #Integriti #MembudayakanIntegriti #Telus

## BERSAMA SPRM



# MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) VENDOR DAN PEMBEKAL PEROLEHAN YIDE BERSAMA SPRM NEGERI SELANGOR



# MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) VENDOR DAN PEMBEKAL PEROLEHAN YIDE BERSAMA SPRM NEGERI SELANGOR



## VENDOR DAN PEMBEKAL PEROLEHAN YIDE LAFAZ IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) BERSAMA SPRM NEGERI SELANGOR

YIDE telah menganjurkan Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Dan Tandatanganan oleh 16 Vendor Dan Pembekal Perolehan YIDE yang telah disaksikan oleh YBr. PPj Tuan Azuan Bin Adzhar ; Timbalan Pengarah Pencegahan SPRM Negeri Selangor. Ini merupakan komitmen YIDE dalam usaha memantapkan pengurusan dana awam yang diuruskan dengan telus dan berintegriti.

